

'Proton perlu rakan kongsi'

Dr Mahathir cadang perkongsian pintar untuk manfaat teknologi automotif

PERUSAHAAN Otomobil Nasional (Proton) perlu mempunyai satu rakan kongsi bagi membolehkan pengeluaran kereta nasional berkenaan meraih manfaat dari segi teknologi, kata Penasihatnya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Proton perlu mempunyai rakan tetapi ini pandangan saya. Malah, kami sedang berunding untuk bekerjasama dengan Volkswagen yang mempunyai teknologi itu." katanya.

Bekas Perdana Menteri yang mencetuskan idea penubuhan syarikat kereta nasional lebih 20 tahun lalu, berkata Volkswagen mungkin perlu mempunyai saham dalam Proton tetapi bukan sehingga mengambil alih syarikat itu.

"Terpulang kepada mereka (pengurusan Proton), saya percaya mereka sedang berbincang tetapi saya tidak tahu perkembangannya," katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari sempena mesyuarat Koridor Raya Multimedia (MSC). Panel Penasihat Antarbang-

sa (IAP) kesembilan di Pulau Pinang semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Persatuan Automotif Malaysia (AAM) bahawa Proton perlu satu rakan yang besar selepas syarikat induknya Proton Holdings Bhd mengumumkan kerugian sebelum cukai RM4.3 juta bagi suku tahun berakhir 30 Jun lalu.

Pembuat kereta nasional itu berkata, kerugian berkenaan hampir keseluruhannya disebabkan peruntukan bagi hutang yang meragukan serta kos komponen yang tinggi dan jualan yang berkurangan.

Proton yang juga antara pengeluaran kereta terbesar di Asia Tenggara berhadapan saingan sengit daripada jenama lain dan menyaksikan penguasaan pasarannya berkurangan.

Dr Mahathir yang sebelum ini mempertahankan syarikat itu berkata, pemberian permit import (AP) dan deklarasi cukai yang terlalu rendah, pada masa tertentu lebih rendah dari kos sebenar, menyukarkan Pro-

ton bersaing dengan syarikat asing.

Kerajaan sebelum ini dilaporkan berkata akan mengkaji dasar automotif negara yang antara lain akan memastikan kejayaan Proton sebagai projek nasional - Bernama

*Volkswagen
boleh
mendapat
manfaat
daripada kos
yang murah di
Malaysia dan
kita boleh
mendapat
manfaat dari
segi teknologi"*

Dr Mahathir Mohamad

